



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

---

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# **KURIKULUM PRASEKOLAH KEBANGSAAN**



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
2001

# KANDUNGAN

muka surat

Rukun Negara	iv
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Kata Aluan	viii
Kata Pengantar	x
<b>1</b>	
<b>Pengenalan</b>	1
<b>2</b>	
<b>Matlamat</b>	3
<b>3</b>	
<b>Objektif</b>	3
<b>4</b>	
<b>Model Konseptual Kurikulum</b>	5
<b>5</b>	
<b>Kandungan Kurikulum</b>	
Komponen Bahasa dan Komunikasi	9
i. Kurikulum Bahasa Melayu	12
ii. Kurikulum Bahasa Cina	16
iii. Kurikulum Bahasa Tamil	20
iv. English Language Curriculum	24
Komponen Perkembangan Kognitif	29
Komponen Kerohanian Dan Moral	36

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

i. Kurikulum Pendidikan Islam	36
ii. Kurikulum Pendidikan Moral	47
Komponen Perkembangan Sosioemosi	54
Komponen Perkembangan Fizikal	58
Komponen Kreativiti dan Estetika	64
<b>6</b>	
<b>Pendekatan Serta Pengelolaan Pengajaran dan Pembelajaran</b>	70
i. Pendekatan Bermain Sambil Belajar	71
ii. Pendekatan Bertema	71
iii. Pendekatan Bersepadu	72
iv. Teknologi Maklumat dan Komunikasi	72
<b>7</b>	
<b>Tempoh Pengajaran dan Pembelajaran</b>	74
<b>8</b>	
<b>Bahan Kurikulum</b>	75
<b>9</b>	
<b>Pengurusan Ruang Pengajaran dan Pembelajaran</b>	77
<b>10</b>	
<b>Penilaian dan Rekod Perkembangan Murid</b>	79
<b>11</b>	
<b>Murid Dengan Keperluan Khas</b>	80
<b>12</b>	
<b>Penglibatan Ibu Bapa, Penjaga dan Komuniti</b>	80

## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **KATA ALUAN**

Saya amat berbangga Kementerian Pendidikan telah berjaya menyediakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang digubal berlandaskan Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Prinsip Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan menjadi dokumen rujukan standard yang perlu dipatuhi dan digunapakai oleh semua tadika di seluruh negara. Dokumen rujukan standard ini menetapkan parameter dan kandungan pengajaran dan pembelajaran minimum yang perlu dilaksanakan oleh semua tadika.

Peringkat umur antara 4 hingga 6 tahun adalah peringkat formatif dalam perkembangan seseorang kanak-kanak. Oleh itu, kurikulum ini digubal dengan tujuan untuk memupuk potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dari segi pembangunan minda dan kreativiti, pemupukan dan amalan nilai yang berteraskan agama dan moral, pengukuhan dan kestabilan emosi dan penyuburan fizikal sebagai persediaan untuk hidup bermasyarakat dan menghadapi pendidikan formal sekolah rendah.

Hasrat ini dapat dicapai dengan memberi penekanan kepada pendekatan bermain sambil belajar yang fleksibel, tidak

formal, selamat, selesa dan menggembirakan. Guru dan pengusaha tadika perlu merancang dan melaksanakan aktiviti prasekolah yang menggalakkan pemupukan kemahiran sosial dan tingkah laku berdisiplin. Murid dibimbing untuk mempunyai kesedaran terhadap diri sendiri, keluarga, alam sekitar dan negara supaya mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan ini adalah hasil daripada pengemblengan tenaga dan kepakaran pelbagai pihak di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pendidikan, Institusi Pengajian Tinggi dan pengusaha tadika swasta. Kepada mereka saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan semoga sumbangan ikhlas ini sentiasa diberkati Allah SWT.

Wassalam.



**TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MUHAMAD**  
Menteri Pendidikan Malaysia

## **KATA PENGANTAR**

Akta Pendidikan 1996 yang diluluskan telah memberi satu perubahan yang signifikan bagi pendidikan prasekolah. Pendidikan Prasekolah telah dimasukkan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Peruntukan Akta ini memberi penekanan kepada pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 4-6 tahun. Perubahan dasar ini menunjukkan Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menumpukan usaha untuk mengekal dan mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah.

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan digubal sebagai usaha untuk menyelaraskan dan meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah. Ianya menjadi satu dokumen rujukan standard kepada semua pengusaha tadika seperti yang terdapat dalam pindaan Akta Pendidikan 1996 (Pendidikan Prasekolah).

Pendidikan awal kanak-kanak yang berkesan memerlukan kurikulum yang universal, terancang dan dapat memenuhi keperluan murid semasa. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan merangkumi aspek-aspek yang diperlukan dalam perkembangan kanak-kanak yang universal iaitu perkembangan bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif, kerohanian dan moral, sosioemosi, fizikal dan kreativiti dan estetika. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan memberi penekanan kepada komponen Bahasa dan Komunikasi sebagai usaha untuk meningkatkan literasi murid dalam bahasa, kemahiran berinteraksi dan komunikasi serta membina keyakinan murid menghadapi pelbagai cabaran dalam era globalisasi dunia.

Keberkesanan pelaksanaan kurikulum ini bergantung kepada pelaksana yang benar-benar faham dan menghayati serta mampu melaksanakan kurikulum seperti yang dihasratkan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah menyediakan Huraian Kurikulum Prasekolah sebagai bahan sokongan untuk membantu guru dan pengusaha tadika melaksanakan kurikulum itu dengan berkesan.

Dalam usaha menyediakan kurikulum ini banyak pihak yang terlibat termasuk pihak pelaksana tadika anjuran kerajaan dan pihak swasta, pensyarah maktab, institusi pengajian tinggi, pegawai daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan serta individu yang mempunyai kepakaran dalam pendidikan prasekolah. Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**  
*Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia*

## **1** **PENGENALAN**

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kepada seseorang kanak-kanak. Pengalaman prasekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat.

Peluang pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak serta perkembangan intelek mereka. Bagi kanak-kanak berkeperluan khas mereka diberi peluang untuk belajar dalam kelas biasa atau kelas khas sesuai dengan keadaan dan keperluan mereka.

Program pendidikan prasekolah hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak supaya dapat merangsang pemikiran, membina sikap positif dan akhlak yang baik, meningkatkan kecergasan dan kesihatan ke arah penyuburan potensi yang optimum. Oleh itu, kurikulum pendidikan prasekolah memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Pendekatan pembelajaran yang fleksibel dan suasana pembelajaran yang selesa, selamat dan ceria dapat menggalakkan naluri ingin tahu, perasaan suka meneroka dan menjelajah serta memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak.

Dengan ini adalah diharapkan program pendidikan prasekolah dapat menjadi asas untuk melahirkan murid yang mempunyai keyakinan diri, bercita-cita tinggi, daya tahan, semangat juang, gigih berusaha dan mampu mengubah diri. Semua asas yang dibina dalam diri murid akan menyumbangkan kepada kemajuan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Perancangan dan penggubalan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan berlandaskan prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai pendokong matlamat dan wawasan negara. Perancangan dan penggubalan kurikulum ini juga mengambil kira pandangan dan falsafah serta teori pendidikan awal kanak-kanak, psikologi dan perkembangan kanak-kanak serta trend pembelajaran terkini seperti teori pelbagai kecerdasan, teori kecerdasan emosi dan konsep e-pembelajaran.

Dokumen Kurikulum Prasekolah Kebangsaan ini mengandungi model konseptual kurikulum, matlamat, objektif, organisasi kandungan kurikulum, komponen-komponen kurikulum, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, cadangan bahan kurikulum, pengurusan ruang dan penilaian serta rekod perkembangan murid. Bagi menjelaskan perkara di atas, terutama dari segi pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Huraian Kurikulum Prasekolah disediakan. Kedua-dua dokumen perlu dirujuk bersama untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum bergantung kepada kefahaman dan penghayatan pelaksana di bilik darjah. Walau bagaimanapun, pelaksana boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dengan keadaan dan situasi. Pelaksana juga perlu mempunyai pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, prihatin kepada perbezaan kanak-kanak dari segi keupayaan, minat dan latar belakang serta peka terhadap perubahan dan perkembangan pendidikan terkini. Justeru, guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan murid (ABP).

## **2** **MATLAMAT**

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

## **3** **OBJEKTIF**

Pendidikan Prasekolah membolehkan murid:

- i. Mempunyai sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif untuk menjadi warganegara yang patriotik;
- ii. Menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi;
- iii. Menggunakan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dengan betul untuk berkomunikasi di sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil;
- iv. Menggunakan Bahasa Inggeris dalam interaksi seharian selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua;
- v. Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
- vi. Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian;
- vii. Mempunyai kemahiran kognitif, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah;


**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

- viii. Mempunyai kematangan emosi dan kemahiran sosial;
- ix. Mempunyai kecerdasan dan kemahiran fizikal serta mempraktikkan amalan kesihatan dan keselamatan yang baik; dan
- x. Mempunyai daya kreativiti dan estetika untuk menghargai keindahan alam dan warisan budaya.

## 4 MODEL KONSEPTUAL KURIKULUM

### 4.1 Model



(ABP = Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Kanak-Kanak)

#### **4.2 Penerangan Modul Kebangsaan Konseptual Kurikulum Prasekolah**

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan ini digubal berasaskan empat prinsip utama iaitu :

- i. **Perkembangan diri secara menyeluruh dan bersepadu** memberi fokus kepada penyuburan potensi individu yang menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Potensi murid hendaklah dikembangkan secara bersepadu kerana setiap aspek perkembangan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Individu yang seimbang dan harmonis memiliki :
  - Kepercayaan kepada Tuhan
  - Ilmu pengetahuan
  - Kemahiran asas
  - Akhlak mulia
  - Emosi yang stabil
  - Kesihatan dan kecergasan
- ii. **Pembelajaran yang menggembirakan** memberi penekanan kepada minat dan bersemangat untuk belajar. Semangat ini akan dapat dipupuk melalui suasana dan persekitaran pembelajaran yang menarik, selesa, mencabar dan menggembirakan. Suasana yang kondusif untuk belajar dengan sendirinya memupuk semangat cintakan ilmu pengetahuan yang akan menjadikan seseorang itu berfikiran luas dan terbuka.
- iii. **Pengalaman pembelajaran yang bermakna** memberi penekanan kepada penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti sebenar supaya mereka dapat mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman kehidupan seharian. Usaha ini akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna.
- iv. **Pendidikan sepanjang hayat** adalah suatu usaha yang berterusan untuk pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan kemahiran. Pengalaman

pendidikan prasekolah yang menggembirakan dan bermakna akan dapat mengekalkan minat untuk terus belajar dalam diri seseorang sejak kecil hingga ke akhir hayat.

Perkembangan murid akan dicapai melalui enam komponen pembelajaran yang dilaksanakan secara bersepadu. Komponen tersebut adalah seperti berikut :

- i. Bahasa dan Komunikasi;
- ii. Perkembangan Kognitif;
- iii. Kerohanian dan Moral;
- iv. Perkembangan Sosioemosi;
- v. Perkembangan Fizikal; dan
- vi. Kreativiti dan Estetika.

Penekanan diberi kepada bahasa yang merentas semua komponen kerana penguasaan bahasa penting dalam proses pembelajaran. Penguasaan kemahiran bahasa diperolehi melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa akan membantu murid berfikir, memahami sesuatu konsep, berimajinasi, melahirkan idea, berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan.

Pelaksanaan kurikulum adalah secara bersepadu yang dirancang melalui **Amalan** yang bersesuaian dengan perkembangan murid (ABP). Amalan yang bersesuaian dengan Perkembangan Murid adalah satu pendekatan yang menekankan kepada penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan umur, perkembangan diri, kebolehan, bakat serta minat murid.

Pendekatan kurikulum berfokus kepada hasil pembelajaran (outcome-based learning) iaitu memberi penekanan kepada apa yang murid perlu tahu, faham dan buat serta amalkan, hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna aktiviti pembelajaran memberi penekanan kepada apa yang harus diperolehi dan dicapai oleh murid itu.

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan bersepadu, murid dapat menguasai dan memperolehi ciri-ciri berikut:

- i. Kecekapan berbahasa dan berkomunikasi;
- ii. Kemahiran berfikir;
- iii. Berakhlak mulia dan beretika;
- iv. Berkeyakinan dan berdisiplin;

- v. Sihat dan cergas; dan Imajinatif, kreatif dan ekspresif.

Berbekalkan kecekapan dan kemahiran di atas, murid sudah bersedia untuk ke sekolah rendah.

## **5 ORGANISASI KANDUNGAN KURIKULUM**

### **KOMPONEN BAHASA DAN KOMUNIKASI**

Kemahiran bahasa dan komunikasi merupakan nadi kepada pembelajaran murid. Seseorang murid sudah menguasai kemahiran asas bahasa apabila mereka mempunyai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta boleh berinteraksi dengan orang lain. Kebolehan berbahasa dan berkomunikasi dengan baik meningkatkan keyakinan murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Ini akan menjadi asas kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Komponen bahasa dan komunikasi merangkumi bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah Cina, bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah Tamil dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Prinsip utama pengajaran bahasa ialah menyepadukan empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa yang mereka pelajari.

- Kemahiran mendengar - kanak-kanak boleh membezakan bunyi dan boleh memahami apa yang didengar.
- Kemahiran bertutur - murid dapat menyebut bunyi dan perkataan dengan betul serta dapat menyatakan pemikiran dan perasaan mereka secara berkesan dan bertatasusila.

- Kemahiran membaca - murid boleh mengucapkan apa yang tertulis dan bercetak dan memahami makna perkataan atau ayat yang dibaca.
- Kemahiran menulis - murid dilatih untuk menguasai motor halus sehingga boleh menuliskan huruf dan perkataan dan seterusnya menulis ayat mudah.

Kemahiran bahasa dan komunikasi boleh dicapai melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menggembirakan seperti permainan bahasa, main peranan, bercerita dan lawatan.

## **KURIKULUM BAHASA MELAYU**

Selaras dengan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan menjadi mata pelajaran wajib di peringkat rendah dan menengah, adalah wajar Bahasa Melayu dikuasai dengan baik dari peringkat prasekolah lagi.

Bahasa Melayu digunakan secara merentas komponen dan dalam interaksi seharian. Oleh itu penggunaannya perlu dipertingkatkan sebagai alat untuk berfikir, berinteraksi dan menyatakan fikiran dan perasaan. Selain itu, penguasaan kemahiran Bahasa Melayu membolehkan murid berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan bertatasusila.

Penguasaan kemahiran Bahasa Melayu diperolehi melalui pelbagai pengalaman pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti yang menggembirakan seperti bercerita, berbual, bersoal jawab, menyanyi, berlakon, berpuisi dan permainan bahasa. Aktiviti-aktiviti ini boleh menambahkan perbendaharaan kata dan seterusnya meningkatkan kemahiran bahasa.

## **Objektif**

Kurikulum Bahasa Melayu membolehkan murid

- ii. Mendengar dan menyatakan apa yang didengar;
- ii. Bertutur dengan sebutan yang betul dan bahasa yang bertatasusila;
- iii. Membaca dan menceritakan isi bacaan sesuai dengan peringkat perkembangan murid;
- iv. Menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul.

## **Kandungan dan Hasil Pembelajaran**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Kemahiran Mendengar 1.1 Mendengar dengan penuh perhatian	1.1.1 Menenal pasti apa yang didengar 1.1.2 mengecam dan membeza pelbagai jenis bunyi 1.1.3 Mengecam dan membeza intonasi suara 1.1.4 Menceritakan apa yang didengar 1.1.5 Mendengar dan memberi gerak balas terhadap:
		a. arahan b. cerita c. puisi, ritma atau rentak d. perbualan
	1.2 Mendengar dan mengecam kesamaan bunyi perkataan	1.2.1 Mengecam perkataan dengan bunyi awal yang sama 1.2.2 Mengecam perkataan dengan bunyi akhiran yang sama

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	1.3 Mendengar dan mengecam bunyi perkataan yang berbeza	1.3.1 Mengecam perkataan dengan bunyi awal yang berbeza 1.3.2 Mengecam perkataan dengan bunyi akhir yang berbeza
2.	Kemahiran Bertutur 2.1 Berinteraksi dengan mesra	2.1.1 Berbual mengguna bahasa mudah dengan sebutan yang betul 2.1.2 Berinteraksi secara spontan dan bertatasusila: a. mengikut giliran b. mengikut situasi c. mengikut peringkat umur 2.1.3 Menyatakan permintaan dan arahan secara bertatasusila
	2.2 Merangsang pertuturan melalui soal jawab	2.2.1 Mengemukakan soalan dengan menggunakan intonasi yang betul 2.2.2 Menjawab soalan dengan tepat 2.2.3 Menjawab soalan secara kreatif 2.2.4 Bersoal jawab secara spontan
	2.3 Melafazkan puisi dengan intonasi yang betul	2.3.1 Melafazkan pelbagai bentuk puisi seperti pantun, sajak dan syair 2.3.2 Menceritakan semula pelbagai bentuk puisi dalam bahasa yang mudah
	2.4 Melakonkan watak-watak mengikut situasi	2.4.1 Melakonkan watak-watak menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak tersebut

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
3.	Kemahiran Membaca 3.1 Mengecam dan memadankan gambar dengan perkataan	3.1.1 Memadankan gambar suatu objek dengan lakarannya 3.1.2 Memadankan gambar dengan perkataan
	3.2 Mengenal bentuk huruf	3.2.1 Menyebut huruf mengikut urutan dan secara rawak 3.2.2 Mengaitkan huruf dengan bentuk objek di persekitaran 3.2.3 Mengenal bentuk huruf kecil dan huruf besar
	3.3 Mengenal huruf vokal	3.3.1 Mengecam huruf vokal yang terdapat dalam perkataan 3.3.2 Membunyikan huruf vokal
	3.4 Mengenal huruf konsonan	3.4.1 Mengecam dan membunyikan huruf konsonan 3.4.2 Mengecam bunyi huruf konsonan di awal dan di akhir perkataan yang diperdengarkan
	3.5 Memperkenal dan menambah perbendaharaan kata	3.5.1 Mengecam dan mengaitkan label pada pelbagai objek dan tempat 3.5.2 Bercerita tentang gambar yang dilihat atau hasil kerja 3.5.3 Mengecam perkataan melalui nyanyian atau puisi

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	3.6 Membina suku kata dan perkataan	<p>3.6.1 Menyebut suku kata hasil gabungan huruf konsonan dan huruf vokal (kv)</p> <p>3.6.2 Mencantumkan dua suku kata konsonan dan vokal (kv+kv) dalam satu perkataan</p> <p>3.6.3 Membaca suku kata terbuka (vkv)</p> <p>3.6.4 Membaca suku kata penutup (kvk)</p> <p>3.6.5 Membaca dua suku kata terdiri daripada (kv+kvk), (kvk+kv) dan (kvk+kvk)</p> <p>3.6.6 Membaca perkataan gabungan dua suku kata vokal berganding dan konsonan berganding (kv+vk)</p>
	3.7 Membaca perkataan dan rangkai kata	3.7.1 Membaca perkataan dan rangkai kata yang bermakna
	3.8 Membaca ayat dalam konteks	<p>3.8.1 Membaca ayat dari cantuman perkataan dan rangkai kata</p> <p>3.8.2 Membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai</p> <p>3.8.3 Mengenal tanda bacaan di dalam ayat atau perenggan</p>
	3.9 Memahami bahan yang dibaca	<p>3.9.1 Menjawab soalan berdasarkan bahan yang dibaca</p> <p>3.9.2 Menceritakan semula bahan yang dibaca melalui lisan, tulisan atau lukisan</p>

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	3.10 Membimbing cara membaca	3.10.1 Membaca nama pengarang, judul buku dan penerbit 3.10.2 Membaca mengikut arah dan cara yang betul 3.10.3 Memegang buku dengan cara dan jarak yang betul 3.10.4 Menyatakan cara menjaga buku dengan betul
	3.11 Memupuk minat membaca	3.11.1 Membaca pelbagai bahan bacaan 3.11.2 Bercerita tentang bahan yang dibaca 3.11.3 Menceritakan semula kandungan cerita yang dibaca
4.	Kemahiran Menulis 4.1 Membina kemahiran menulis	4.1.1 Melakukan koordinasi mata-tangan 4.1.2 Melakukan pergerakan tangan dan jari untuk membentuk corak mengikut arah yang betul 4.1.3 Memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis 4.1.4 Menulis huruf mengikut cara yang betul 4.1.5 Menulis nombor mengikut cara yang betul

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	4.2 Menguasai kemahiran menulis	4.2.1 Menulis perkataan 4.2.2 Menulis rangkai kata dan ayat yang bermakna 4.2.3 Menulis cerita

**ii**  
**KURIKULUM BAHASA CINA**

Pengajaran Bahasa Cina dimulakan pada peringkat prasekolah supaya murid-murid sudah menguasai kemahiran Bahasa Cina sebagai persediaan untuk masuk Tahun Satu sekolah rendah.

Kurikulum Bahasa Cina memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan kemahiran Bahasa Cina membolehkan murid berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan bertatasusila.

Penguasaan kemahiran Bahasa Cina diperolehi melalui pelbagai pengalaman pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti yang mengembirakan seperti bercerita, berbual, bersoal jawab, menyanyi, berlakon, berpuisi dan permainan bahasa. Aktiviti ini boleh menambahkan perbendaharaan kata dan seterusnya meningkatkan kemahiran bahasa.

**Objektif**

Kurikulum Bahasa Cina membolehkan murid :

- iii. Mendengar dan bertutur dengan baik;
- ii. Menggunakan bahasa yang sesuai dan bertatasusila dalam kehidupan seharian;
- iii. Membaca untuk memahami isi bacaan dengan peringkat perkembangan mereka;
- iv. Menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul.

Kandungan dan Hasil Pembelajaran

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Kemahiran Mendengar 1.1 Mendengar dengan penuh perhatian	1.1.6 Mengenal pasti apa yang didengar 1.1.7 mengecam dan membeza pelbagai jenis bunyi 1.1.8 Mengecam dan membeza intonasi suara 1.1.9 Menceritakan apa yang didengar 1.1.10 Mendengar dan memberi gerak balas terhadap:
2.	Kemahiran Bertutur 2.1 Berinteraksi dengan mesra	2.1.4 Berbual mengguna bahasa mudah dengan sebutan yang betul 2.1.5 Berinteraksi secara spontan dan bertatasusila: d. mengikut giliran e. mengikut situasi f. mengikut peringkat umur 2.1.6 Menyatakan permintaan dan arahan secara bertatasusila
	2.2 Merangsang pertuturan melalui soal jawab	2.2.5 Mengemukakan soalan dengan menggunakan intonasi yang betul 2.2.6 Menjawab soalan dengan tepat 2.2.7 Menjawab soalan secara kreatif 2.2.8 Bersoal jawab secara spontan
	2.3 Melafazkan puisi dengan intonasi yang betul	2.3.3 Melafazkan pelbagai bentuk puisi seperti pantun, sajak dan syair 2.3.4 Menceritakan semula pelbagai bentuk puisi dalam bahasa yang mudah

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	2.4 Melakonkan watak-watak mengikut situasi	2.4.2 Melakonkan watak-watak menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak tersebut
3.	Kemahiran Membaca 3.1 Mengecam dan memadankan gambar dengan perkataan	3.1.3 Memadankan gambar suatu objek dengan lakarannya 3.1.4 Memadankan gambar dengan perkataan
	3.2 Mengenal bentuk huruf	3.2.4 Menyebut huruf mengikut urutan dan secara rawak 3.2.5 Mengaitkan huruf dengan bentuk objek di persekitaran 3.2.6 Mengenal bentuk huruf kecil dan huruf besar
	3.3 Mengenal huruf vokal	3.3.1 Mengecam huruf vokal yang terdapat dalam perkataan 3.3.2 Membunyikan huruf vokal
4.	Kemahiran Menulis 4.1 Membina kemahiran menulis	4.1.1 Melakukan koordinasi mata-tangan 4.1.2 Melakukan pergerakan tangan dan jari untuk membentuk corak mengikut arah yang betul 4.1.3 Memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis 4.1.4 Menulis huruf mengikut cara yang betul 4.1.5 Menulis nombor mengikut cara yang betul

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	4.2 Menguasai kemahiran menulis	4.2.1 Menulis perkataan 4.2.2 Menulis rangkai kata dan ayat yang bermakna 4.2.3 Menulis cerita

**iii**  
**KURIKULUM BAHASA TAMIL**

Pengajaran Bahasa Tamil prasekolah digubal berdasarkan kemahiran-kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap murid sebagai persediaan masuk ke Tahun Satu sekolah rendah. Melalui kurikulum Bahasa Tamil, murid-murid lebih bersedia dan akan dapat mengikut pelajarannya dengan lebih berkesan.

Kurikulum Bahasa Tamil memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan kemahiran Bahasa Tamil membolehkan murid berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan bertatasusila.

Penguasaan kemahiran Bahasa Tamil diperolehi melalui pelbagai pengalaman pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti yang mengembirakan seperti bercerita, berbual, bersoal jawab, menyanyi, berlakon, berpuisi dan permainan bahasa. Aktiviti-aktiviti ini boleh menambahkan perbendaharaan kata dan seterusnya meningkatkan kemahiran bahasa.

### **Objektif**

Kurikulum Bahasa Tamil membolehkan murid :

- iv. Mendengar dan bertutur dengan baik;
- ii. Menggunakan bahasa yang sesuai dan bertatasusila dalam kehidupan seharian;
- iii. Membaca untuk memahami isi bacaan dengan peringkat perkembangan mereka; dan
- iv. Menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul.

Kandungan dan Hasil Pembelajaran

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Kemahiran Mendengar 1.1 Mendengar dengan penuh perhatian	1.1.11 Mengenal pasti apa yang didengar 1.1.12 mengenali dan membezakan pelbagai jenis bunyi 1.1.13 Mengenali dan membezakan intonasi suara 1.1.14 Menceritakan apa yang didengar 1.1.15 Mendengar dan memberi gerak balas terhadap:
2.	Kemahiran Bertutur 2.1 Berinteraksi dengan mesra	2.1.7 Berbicara menggunakan bahasa mudah dengan sebutan yang betul 2.1.8 Berinteraksi secara spontan dan bertatasusila: a. mengikut giliran b. mengikut situasi c. mengikut peringkat umur 2.1.9 Menyatakan permintaan dan arahan secara bertatasusila
	2.2 Merangsang pertuturan melalui soal jawab	2.2.9 Mengemukakan soalan dengan menggunakan intonasi yang betul 2.2.10 Menjawab soalan dengan tepat 2.2.11 Menjawab soalan secara kreatif 2.2.12 Bersoal jawab secara spontan
	2.3 Melafazkan puisi dengan intonasi yang betul	2.3.5 Melafazkan pelbagai bentuk puisi seperti pantun, sajak dan syair 2.3.6 Menceritakan semula pelbagai bentuk puisi dalam bahasa yang mudah

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	2.4 Melakokan watak-watak mengikut situasi	2.4.3 Melakokan watak-watak menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak tersebut
3.	Kemahiran Membaca 3.1 Mengecam dan memadankan gambar dengan perkataan	3.1.5 Memadankan gambar suatu objek dengan lakarannya 3.1.6 Memadankan gambar dengan perkataan
	3.2 Mengenal bentuk huruf	3.2.7 Menyebut huruf mengikut urutan dan secara rawak 3.2.8 Mengaitkan huruf dengan bentuk objek di persekitaran 3.2.9 Mengenal bentuk huruf kecil dan huruf besar
	3.3 Mengenal huruf vokal	3.3.1 Mengecam huruf vokal yang terdapat dalam perkataan 3.3.2 Membunyikan huruf vokal
	3.4	
	3.5	
	3.6	

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	3.7	
	3.8	
4.	Kemahiran Menulis 4.1 Membina kemahiran menulis	4.1.1 Melakukan koordinasi mata-tangan 4.1.2 Melakukan pergerakan tangan dan jari untuk membentuk corak mengikut arah yang betul 4.1.3 Memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis 4.1.4 Menulis huruf mengikut cara yang betul 4.1.5 Menulis nombor mengikut cara yang betul
	4.2 Menguasai kemahiran menulis	4.2.1 Menulis perkataan 4.2.2 Menulis rangkai kata dan ayat yang bermakna 4.2.3 Menulis cerita

**iv**  
**ENGLISH LANGUAGE CURRICULUM**

Children begin to build the foundations for fluency in English through the development of the skills of listening, speaking and early literacy. The English Language curriculum aims at enabling children to actively communicate with others in their immediate environment as well as develop an enjoyment of the language through the use of stories, rhymes, poems, songs and games. Through language play they will also imagine and recreate experiences.

Vocabulary development will be facilitated through exposure to and use of language related to familiar experiences and things in the environment as well as simple selections from children's literature. Language development will be supported through the use of context including objects from the real world, pictures, puppets and other props so that language experiences will be meaningful.

English will also be learnt actively through meaningful interactions with others. Listening and speaking will include verbal and non verbal communication including the use of body language, facial expression and eye contact.

Language activities will also facilitate the development of emergent literacy. Children will be exposed to written language through a variety of materials such as word cards, books including big books, charts, labels, signs and posters.

### **Objectives**

The English Language curriculum aims at enabling children to:

- v. Listen actively with understanding;
- ii. Express themselves orally in simple English;

- iii. Read common words and simple sentences independently; and
- iv. Write words and simple sentences.

Content and learning outcomes.

NO	CONTENT	LEARNING OUTCOMES
1.	Listening Skills 1.1 Listen to and recognise similarities in the sounds of language	1.1.16 Identify words with the same beginning sounds 1.1.17 Identify words with the same ending sounds
	1.2 Listen to and recognise differences in the sounds of language	1.2.1 Discriminate words with different beginning sounds 1.2.2 Discriminate words with different ending sounds
	1.3 Listen to and understand meanings of simple words	1.3.1 Listen to words said aloud and identify objects named in the environment 1.3.2 Listen to words said aloud and match with pictures
	1.4 Listen to and follow simple instructions	1.4.1 Listen and carry out simple instructions 1.4.2 Listen and perform actions based on instructions in games

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

NO	CONTENT	LEARNING OUTCOMES
	1.5 Listen and respond to simple songs, poems, stories and dialogues	1.5.1 Listen to songs and rhymes and respond to the rhythm 1.5.2 Listen to songs, rhymes and stories and perform actions according to the meaning
2.	Speaking Skills 2.1 Communicate with peers, teachers and other adults socially	2.1.10 Use body language such as gesture, eye contact and facial expression with appropriate language responses 2.1.11 Carry out simple functions of language orally e.g., to greet, to thank, to ask 2.1.12 To carry out simple conversations
	2.2 Use simple words	2.2.13 Name parts of the body 2.2.14 Name members of the family 2.2.15 Name things in the environment 2.2.16 Name things in familiar stories, poems and songs
	2.3 Use simple statements	2.3.7 Talk about familiar experiences, favourite things and activities 2.3.8 Talk about the weather 2.3.9 Say out repeated sentences in stories
	2.4 Ask simple questions	2.4.4 Ask others about favourite things and activities 2.4.5 Ask questions based on observations 2.4.6 Ask questions based on stories they hear

NO	CONTENT	LEARNING OUTCOMES
	2.5 Sing songs and recite rhymes and poems	2.5.1 Sing songs and perform appropriate actions 2.5.2 Recite simple rhymes and poems
	2.6 Tell simple stories	2.6.1 Tell stories about familiar things 2.6.2 Retell stories using visual props
	2.7 Dramatise familiar situations and stories	2.7.1 Role play familiar daily situations 2.7.2 Dramatise familiar stories
3.	Reading Skills 3.1 Recognise letters of the alphabet	3.1.7 Link sounds to letters 3.1.8 Name and sound the letters of the alphabet
	3.2 Hear and say initial and final sounds, and short vowel sounds within words	3.2.10 Recognise and say the initial sound in words and know which letters represent some of the sounds 3.2.11 Hear and say vowel sounds
	3.3 Read simple words	3.3.1 Recognise and sound simple words 3.3.2 Point to letters, words labels, labels and read or name them 3.3.3 Recognise some familiar words
	3.4 Read simple sentences	3.4.1 Show interest in illustrations and print in books and print in the environment 3.4.2 Read a range of simple sentences independently

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

NO	CONTENT	LEARNING OUTCOMES
	3.5 Knowledge of print and ethics in reading	3.5.1 Read print moving from left to right and top to bottom 3.5.2 Identify the features of a book 3.5.3 Handle books carefully
	3.6 Develop interest in reading	3.6.1 Talk about books being read 3.6.2 Read different texts
4.	Writing Skills 4.1 Pre-writing skills	4.1.1 Engage in activities requiring hand-eye coordination 4.1.2 Draw lines and circles using gross motor and fine motor movements 4.1.3 Draw anticlockwise and up-and-down letter movements
	4.2 Writing skills	4.2.1 Form recognisable letters 4.2.2 Write simple words 4.2.3 Write simple sentences

### KOMPONEN PERKEMBANGAN KOGNITIF

Komponen Perkembangan Kognitif menjadi fokus utama dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana keupayaan kognitif mempengaruhi semua aktiviti pembelajaran. Komponen ini memberi penekanan kepada pemupukan sikap positif terhadap sains dan matematik. Penguasaan asas kemahiran kognitif ini adalah penting untuk memahami sesuatu konsep dalam semua komponen Kurikulum Prasekolah Kebangsaan terutama dalam bahasa, agama dan moral serta kreativiti dan estetika.

Kemahiran kognitif terdiri daripada pengelasan, konsep ruang, konsep nombor, proses sains dan penyelesaian masalah. Pengelasan ialah kemahiran paling asas untuk perkembangan kognitif iaitu kemampuan untuk mengenal pasti sesuatu ciri objek dan mengumpulkan objek tersebut mengikut ciri yang telah dikenal pasti. Ini diikuti dengan kemampuan murid untuk menyusun sesuatu objek mengikut dimensi dan urutan.

Konsep ruang memberi kefahaman tentang lingkungan dan kedudukan objek dalam ruang. Untuk memahami konsep nombor pula, murid perlu menguasai kemahiran seriasi dan padanan satu dengan satu secara logik.

Penguasaan kemahiran proses sains membolehkan murid berinteraksi dengan bahan dan fenomena alam serta memupuk sikap ingin tahu dan suka menyiasat. Kemahiran asas proses sains dikuasai dengan aktiviti memerhati, membanding dan membeza, mengukur, meramal dan inferens.

Penyelesaian masalah adalah hieraki tertinggi dalam kemahiran befikir. Kualiti penyelesaian masalah, bergantung kepada kemahiran membuat keputusan, berasaskan naluri atau sebab yang boleh diterima. Murid boleh dilatih membuat refleksi dan menilai keputusan yang telah diambil.

Murid menguasai kemahiran kognitif melalui interaksi sebenar dengan menggunakan pelbagai bahan maujud atau konkrit daripada pelbagai jenis bahan yang mudah didapati di sekeliling mereka seperti butang, guli, kotak, tutup botol, biji benih, batu dan daun. Murid memahami persekitarannya melalui pengalaman pembelajaran sebenar dan manipulasi yang berulang-ulang.

**Objektif**

Komponen Perkembangan Kognitif membolehkan murid :

- i. Meningkatkan kemahiran berfikir dan kemahiran proses sains;
- ii. Berfikir secara logik-matematik melalui manipulasi objek secara konkrit;
- iii. Memperkembangkan sikap ingin tahu dan suka menyasat; dan
- iv. Memperkembangkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian.

Kandungan dan Hasil Pembelajaran

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	<p>Pengelasan 1.1 Mengelaskan objek</p>	<p>1.1.18 Mengelaskan objek mengikut satu ciri a. bentuk b. warna c. saiz 1.1.19 Mengelaskan objek mengikut dua ciri a. bentuk dan warna b. bentuk dan saiz c. warna dan saiz 1.1.20 Mengelaskan objek mengikut tiga ciri, bentuk, warna dan saiz 1.1.21 Mengelaskan objek mengikut rasa 1.1.22 Mengelaskan objek mengikut bau 1.1.23 Mengelaskan objek mengikut kesamaan 1.1.24 Menyatakan sebab setiap pengelasan dibuat</p>
2.	<p>Seriasi 2.1 Menyusun objek mengikut seriasi</p> <p>Komponen Perkembangan Kognitif</p>	<p>2.1.13 Menyusun objek mengikut seriasi: a. saiz b. panjang c. tinggi d. nilai matawang</p>
3.	<p>Padanan satu dengan satu 3.1 Memadan objek</p>	<p>3.1.9 Memadan mengikut: a. bilangan pasangan yang cukup b. bilangan pasangan yang tidak cukup</p>

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
4.	Konsep Nombor 4.1 Mengetahui konsep nombor 1-5	4.1.1 Membilang objek 1-5 4.1.2 Memadan simbol 1-5 dengan objek
	4.2 Mengetahui konsep nombor 1-10	4.2.1 Membilang objek 1-10 4.2.2 Memadan simbol 1-10 dengan objek 4.2.3 Memadan bilangan objek dengan simbol nombor 1-10 4.2.4 Membilang secara menurun 10-1
	4.3 Mengetahui konsep nombor 10-20	4.3.1 Menyatakan dalam siri 10-11 adalah terdiri daripada 10+1, 12 adalah 10+2, ... 20 dan seterusnya 4.3.2 Memadan bilangan objek dengan simbol 4.3.3 Membilang nombor 10-20
	4.4 Mengetahui konsep siri 20, 30, 40 dan 50	4.4.1 Membina siri 20 dan membilang 20-30 4.4.2 Membina siri 30 dan membilang 30-40 4.4.3 Membina siri 40 dan membilang 40-50
5.	Operasi Nombor 5.1 Operasi tambah	5.1.1 Membuat operasi tambah dalam bahasa harian 5.1.2 Menambah dua himpunan yang disatukan dan menyatakan hasil tambah dengan membilang semua objek 5.1.3 Menambah dua himpunan objek yang disatukan dan menyatakan hasil tambah dengan membilang terus dari suatu nombor 5.1.4 Menyatakan ayat matematik operasi tambah 5.1.5 Menggunakan simbol tambah (+) dan sama dengan (=) dengan ayat matematik

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	5.2 Operasi tolak	5.2.1 Menyatakan situasi yang melibatkan operasi tolak dalam bahasa harian 5.2.2 Mengasingkan satu himpunan dari satu himpunan dan menyatakan hasil tolak dengan membilang 5.2.3 Menyebut ayat matematik operasi tolak 5.2.4 Mengguna simbol tolak (-) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik (tolak)
6.	Pengukuran 6.1 Membuat pengukuran	6.1.1 Mengukur objek mengikut : a. panjang b. tinggi c. berat d. kuantiti 6.1.2 Merekod ukuran 6.1.3 Membandingkan ukuran 6.1.4 Bercerita tentang ukuran yang telah dibuat dengan menggunakan istilah matematik
7.	Pemerhatian, perbandingan dan diskriminasi 7.1 Membuat pemerhatian, membanding dan membezakan	7.1.1 Memerhati dan merekod pemerhatian 7.1.2 Membuat perbandingan dan membezakan hasil pemerhatian 7.1.3 Menerangkan pemerhatian yang dilakukan

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
8.	Ramalan 8.1 Membuat ramalan	8.1.1 Membuat ramalan apa yang akan berlaku selepas memerhati hasil percubaan 8.1.2 Membuat ramalan apa yang akan berlaku selepas memerhati sesuatu peristiwa
9.	Konsep Masa 9.1 Berfikir mengikut urutan	9.1.1 Menyusun peristiwa mengikut urutan masa 9.1.2 Menceritakan peristiwa mengikut masa 9.1.3 Memberi sebab mengapa urutan peristiwa berlaku 9.1.4 Menyatakan nama hari dan bulan
10.	Konsep Ruang 10.1 Mengetahun kedudukan objek	10.1.1 Menyatakan kedudukan sesuatu objek dalam ruang a. depan, belakang b. atas, bawah c. sisi, tepi, tengah d. luar dalam
	10.2 Membina penghubung	10.2.1 Menyatakan anggaran jarak antara dua objek 10.2.2 Membina penghubung antara objek 10.2.3 Menyatakan alasan mengapa penghubung itu dipilih
	10.3 Membina lingkungan	10.3.1 Menganggarkan keluasan lingkungan 10.3.2 Membina satu lingkungan yang lengkap 10.3.3 Menyatakan sebab saiz lingkungan dibina

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	10.4 Membina pola	10.4.1 Mengenal pasti pola 10.4.2 Merombak dan menyusun pola bagi menghasilkan sesuatu corak baru 10.4.3 Menyatakan sebab dan alasan pola tersebut dibentuk
11.	Penyelesaian Masalah 11.1 Menyelesaikan bermasalah	11.1.1 Mengenal pasti punca masalah 11.1.2 Mencadangkan pelbagai idea untuk mengatasi konflik 11.1.3 Menyusun cadangan mengikut keutamaan 11.1.4 Memilih cadangan terbaik daripada yang disenaraikan 11.1.5 Mencuba cadangan yang telah dipilih 11.1.6 Menilai keputusan yang baik dan mantap
	11.2 Membuat perancangan untuk memenuhi keperluan	11.2.1 Mengenal pasti keperluan 11.2.2 Mencadangkan pelbagai idea untuk memenuhi keperluan 11.2.3 Menyusun cadangan mengikut keutamaan 11.2.4 Memilih cadangan yang terbaik yang disenaraikan 11.2.5 Mencuba cadangan yang dipilih 11.2.6 Menilai keputusan yang baik dan mantap

### **KOMPONEN KEROHANIAN DAN MORAL**

Komponen Kerohanian dan Moral amat penting bagi pemupukan nilai Islam dan nilai murni masyarakat berbilang kaum bagi melahirkan rakyat Malaysia yang percaya kepada Tuhan, berperibadi mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Komponen Kerohanian dan Moral mengandungi Pendidikan Islam untuk murid Islam dan Pendidikan Moral untuk murid bukan Islam.

Pendidikan Islam memberi fokus kepada penyampaian ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Pendidikan Moral memberi fokus kepada penyampaian ilmu untuk menjadikan seseorang insan yang berakhlak mulia dan bermoral.

**i**

### **KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM**

Kurikulum Pendidikan Islam prasekolah merangkumi aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan ketatanegaraan. Tumpuan khusus kurikulum adalah kepada :

- Pembentukan akidah dan bimbingan asas Fardhu Ain
- Pemupukan amalan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah yang dituntut oleh syariah Islam
  
- Penyuburan adab dan akhlak Islamiah ke dalam diri kanak-kanak, berteraskan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai contoh yang terbaik
- Pengenalan kepada asas Bahasa Al-Quran dan surah-surah pendek dari Juzu' Amma
- Pengenalan kepada tulisan jawi

Melalui ilmu, kemahiran dan amalan yang disarankan, Kurikulum Pendidikan Islam dapat menyumbangkan ke arah melahirkan murid Islam yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, bertaqwa dan beramal soleh.

Pendidikan Islam prasekolah dapat disampaikan melalui aktiviti bercerita, tunjukcara, latihan amali, nyanyian lagu dan nasyid, permainan, lakonan, penjelajahan, pemerhatian alam sekitar dan melihat kegiatan manusia.

Sekolah digalakkan mengadakan lawatan di persekitaran sekolah, kebun bunga, tempat bersejarah dan mengadakan perkelahan di kawasan pemandangan semula jadi. Dengan cara ini, mereka dapat menikmati keindahan alam sambil mengenali tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan dan kebesaran Tuhan dan menjadikan pendidikan agama sebagai amalan dan perlakuan.

Penyampaian kandungan Kurikulum Pendidikan Islam hendaklah disepadukan dan diseimbangkan dengan lima komponen kurikulum prasekolah yang lain semasa pengajaran dan pembelajaran. Penyampaian yang berkesan mampu menanam asas keimanan dan membentuk murid agar mempunyai cita-cita yang tinggi, daya tahan, semangat juang, gigih berusaha dan mampu mempertingkatkan harga diri dan menyumbang kepada asas kemajuan masyarakat, bangsa dan negara.

**Objektif**

Kurikulum Pendidikan Islam membolehkan murid :

- i. Menyebut dan menyatakan asas-asas keimanan dan keislaman;
- ii. Mengamalkan ibadah yang bersesuaian dengan peringkat umur;
- iii. Mengenali sirah dan peribadi Rasulullah SAW, dan berusaha mencontohinya
- iv. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia;
- v. Mengenali Al-Quran - bahasa dan hurufnya; dan
- vi. Menghafaz dengan makna beberapa surah pendek dan doa harian.

**Kandungan dan Hasil Pembelajaran**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Aqidah 1.1 Mengetahui Rukun Iman	1.1.25 Menyebut enam Rukun Iman
	1.2 Beriman kepada Allah	1.2.1 Menyebut sifat wajib Allah a. Wujud b. Melihat c. Mendengar d. Mengetahui e. Menyayangi dan mengasihani f. Pemaaf dan Pengampun g. Berkuasa h. Adil i. Bijaksana 1.2.2 Memberi contoh kebaikan dan akhlak yang terhasil dari sifat muqarabah (jaitu perasaan bahawa Allah sentiasa mengawasi kita kerana Dia Maha Melihat, Mendengar dan Mengetahui)

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
		<p>1.2.3 Menyebut perkara yang menjadi suruhan dan tegahan Allah SWT</p> <p>1.2.4 Menghafaz, nyata dan mengamalkan zikrullah</p>
	1.3 Beriman kepada Malaikat	1.3.1 Menyebut nama dan tugas sepuluh malaikat yang wajib diketahui
	1.4 Beriman kepada Rasul	<p>1.4.1 Menyatakan nama 25 Rasul pilihan</p> <p>1.4.2 Menyebut sifat wajib bagi Rasul</p> <p>a. Siddiq - benar</p> <p>b. Amanah - amanah</p> <p>c. Tabliq - menyampaikan</p> <p>d. Fathonah - bijaksana</p> <p>1.4.3 Menceritakan kelebihan Rasul</p> <p>1.4.4 Menyebut selawat ke atas Rasulullah SAW</p>
	1.5 Beriman kepada Kitab	<p>1.5.1 Menyatakan nama empat kitab yang wajib diketahui</p> <p>a. Zabur (Nabi Daud)</p> <p>b. Taurat (Nabi Musa)</p> <p>c. Injil (Nabi Isa)</p> <p>d. Al-Quran (Nabi Muhammad SAW)</p>
		<p>1.5.2 Menceritakan sebab Allah menurunkan Al-Quran</p> <p>1.5.3 Menerangkan cara-cara menghormati Al-Quran</p> <p>1.5.4 Menyatakan bahawa Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab</p>

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	1.6 Beriman kepada Hari Akhirat	1.6.1 Menceritakan tentang wujudnya Hari Akhirat 1.6.2 Menyatakan tanda-tanda Hari Qiamat 1.6.3 Menceritakan keistimewaan syurga dan galakan untuk membuat kebaikan 1.6.4 Menceritakan kesengsaraan neraka dan mengelakkan dari melakukan perkara yang dilarang
	1.7 Berima kepada Qada dan Qadar	1.7.1 Menyatakan keyakinan tentang ketentuan Allah yang boleh diubah dengan usaha dan doa
2.	Ibadah 2.1 Mengetahui Rukun Islam	2.1.14 Menyatakan lima Rukun Islam
	2.2 Melafaz Kalimah Syahadah	2.2.1 Menyebut Dua Kalimah Syahadah dan maknanya

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	2.3 Mendirikan Solat	2.3.1 Melakukan wuduk dengan betul mengikut tertib 2.3.2 Mengenal pasti aurat lelaki dan perempuan 2.3.3 Menyatakan nama dan masa bagi setiap waktu solat 2.3.4 Menyatakan bilangan rakaat solat lima waktu 2.3.5 Menyeru Azan dan melafazkan Iqamah 2.3.6 Melafazkan niat solat lima waktu 2.3.7 Membaca dan menghafaz ayat dalam solat 2.3.8 Melakukan pergerakan solat dengan betul mengikut tertib 2.3.9 Mendirikan solat berjemaah dengan adab-adabnya dan menyatakan perbezaannya dengan solat bersendirian
	2.4 Mengamalkan ibadat Puasa	2.4.1 Menamakan bulan umat Islam wajib berpuasa 2.4.2 Menyatakan kebaikan berpuasa 2.4.3 Menceritakan tentang ibadah berpuasa dan sahur hingga berbuka 2.4.4 Menghafaz dan melafazkan niat puasa dan doa berbuka puasa dengan maknanya 2.4.5 Menceritakan amalan-amalan yang dituntut dalam bulan puasa 2.4.6 Menceritakan sambutan Hari Raya Puasa

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	2.5 Mengeluarkan Zakat dan Fitrah	2.5.1 Menyatakan masa wajib membayar fitrah 2.5.2 Menyatakan tujuan membayar zakat
	2.6 Ibadah Haji	2.6.1 Menyatakan masa dan tempat menunaikan ibadah Haji 1.6.2 Menceritakan amalan korban pada Hari Raya Haji 2.6.3 Menceritakan sambutan Hari Raya Haji di tempat mereka berbanding dengan tempat lain
3.	Sirah 3.1 Mengetahui Sirah Rasulullah SAW	3.1.10 Menceritakan peristiwa kelahiran Rasulullah SAW 3.1.11 Menyebut nama ahli keluarga Baginda yang terdekat 3.1.12 Menceritakan beberapa peristiwa penting dalam kehidupan Rasulullah SAW dan pengajarannya
4.	Akhlaq 4.1 Mencontohi akhlak Rasulullah SAW	4.1.1 Menceritakan akhlak Rasulullah SAW

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	4.2 Mengamalkan adab dalam kehidupan seharian	4.2.1 Melakukan amalan seharian mengikut adab: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mengingati Allah SWT dengan membaca Bismillah dan bersyukur atas nikmatNya dengan membaca Alhamdulillah</li> <li>b. Menyatakan cara-cara adab bersuci</li> <li>c. Menyatakan adab makan minum</li> <li>d. Menyatakan adab keluar dan masuk rumah</li> <li>e. Menyatakan adab tidur dan bangun tidur</li> </ol>
		<ol style="list-style-type: none"> <li>f. Menyatakan adab dalam perjalanan</li> <li>g. Menyatakan adab belajar</li> <li>h. Menyatakan adab dalam masjid</li> <li>i. Menyatakan adab masuk dan keluar tandas</li> </ol> 4.2.2 Mengenal pasti makan dan minum yang halal
	4.3 Menghormati ibu bapa, guru, rakan sebaya dan anggota masyarakat	4.3.1 Menunjukkan cara menghormati ibu bapa, guru, rakan sebaya dan anggota masyarakat 4.3.2 Menghafaz doa untuk ibu bapa, guru serta muslimin dan muslimat 4.3.3 Bercerita tentang semangat bermasyarakat pelbagai kaum

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	4.4 Menghormati pemimpin	4.4.1 Menerangkan cara menghormati dan mentaati pemimpin yang bertaqwa 4.4.2 Mengenal dan menghormati bendera Kebangsaan dan bendera negeri 4.4.3 Menyatakan prinsip Rukun Negara
	4.5 Mencintai negara	4.5.1 Menunjukkan kedudukan Malaysia di peta dunia 4.5.2 Mengenal dan menghormati bendera Kebangsaan dan bendera negeri 4.5.3 Menyatakan keistimewaan yang terdapat di negara Malaysia <ol style="list-style-type: none"> <li>a. mercu tanda kejayaan negara</li> <li>b. tempat dan bangunan bersejarah</li> <li>c. pusat pelancongan</li> <li>d. hasil-hasil negara</li> <li>e. tokoh-tokoh negara</li> </ol> 4.5.4 Menyanyi lagu Negaraku
	4.6 Mematuhi peraturan dan undang-undang	4.6.1 Mengecam simbol yang melambangkan peraturan dan undang-undang 4.6.2 Menjelaskan dan mematuhi peraturan dan undang-undang <ol style="list-style-type: none"> <li>a. tadika</li> <li>b. tempatan</li> <li>c. negara</li> </ol> 4.6.3 Menyatakan cara menggunakan kemudahan awam dengan betul

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	4.7 Menjaga dan menyayangi alam sekitar	4.7.1 Mengamalkan kebersihan di bilik darjah 4.7.2 Menceritakan tentang haiwan kesayangan dan haiwan peliharaan 4.7.3 Menyatakan cara menjaga dan memelihara haiwan daripada kepupusan
5.	Asas Bahasa Al-Quran dan Tulisan Jawi 5.1 Mengenal bahasa Al-Quran	5.1.1 Mengenal bentuk huruf, mengecam bunyi dan menyebut huruf Hijaiyah 5.1.2 Mengenal dan mengecam bunyi vokal mengikut tanda bacaan: a. baris atas - fathah b. baris bawah - kasrah c. baris depan - dommah d. baris dua di atas - fathah tain e. baris dua di bawah - kasratin f. baris dua di depan - dammah tain g. tanda mati - sukun h. sabdu/syaddah - tashdiq 5.1.3 Mengenal dan menyebut beberapa perkataan dalam Al-Quran dengan sebutan yang betul
	5.2 Mengenal tulisan jawi	5.2.1 Mengenal bentuk dan menyebut enam huruf jawi yang tidak terdapat dalam huruf hijaiyah 5.2.2 Menyebut dan membunyikan suku kata yang terdiri dari huruf jawi dan vokal alif, ya dan wau 5.2.3 Menyebut dan membunyi perkataan dalam tulisan jawi

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	5.3 Menghafaz beberapa surah pendek dari juzu' Amma	5.3.1 Menghafaz surah Al-Quran a. Al-Fatihah (Surah 1) b. Al-Naas (Surah 114) c. Al-Falaq (Surah 113) d. Al-Ikhlash (Surah 112) e. Al-Lahab (Surah 110) f. An-Nasr (Surah 109) g. Al-Asr (Surah 103)

## KURIKULUM PENDIDIKAN NORAL

Pendidikan Moral prasekolah menekankan aspek pemupukan dan perkembangan nilai serta asas ketatanegaraan agar murid-murid dapat mengamal dan menghayati nilai-nilai murni yang terdapat dalam semua masyarakat majmuk secara bersepadu.

Melalui komponen ini murid dipupuk dengan nilai-nilai yang berkaitan :

- Perkembangan diri;
- Diri dengan keluarga;
- Diri dengan masyarakat;
- Diri dengan alam sekitar; dan
- Diri dengan negara.

Nilai murni dapat dipupuk melalui aktiviti bercerita, main peranan, permainan, pemerhatian dan latihan amali. Nilai-nilai yang dipupuk dalam diri murid-murid hendaklah dikaitkan dengan isu-isu semasa dan sesuai dengan peringkat umur mereka. Pendidikan Moral perlu disepadukan dengan semua komponen dan diterapkan dalam kebanyakan aktiviti.

### Objektif

Kurikulum Pendidikan Moral membolehkan murid :

- i. Memahami dan menyatakan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia;
- ii. Mengamalkan tabiat dan perlakuan yang bermoral dalam kehidupan seharian; dan
- iii. Menyatakan sebab sesuatu keputusan dan tindakan dibuat.

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

Kandungan dan Hasil Pembelajaran

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri 1.1 Menyatakan manusia ciptaan Tuhan	1.1.26 Menyatakan manusia adalah ciptaan Tuhan 1.1.27 Membezakan manusia dan rekaan manusia 1.1.28 Menyatakan bahawa alam ini ada penciptanya
	1.2 Menjaga kebersihan fizikal dan mental	1.2.1 Menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri 1.2.2 Menamakan alat dan bahan untuk menjaga kebersihan diri 1.2.3 Mengamalkan kebersihan diri dan pakaian 1.2.4 Bertutur dengan menggunakan bahasa yang sopan
	1.3 Mengamalkan sifat rajin	1.3.1 Menceritakan tentang kepentingan sifat rajin 1.3.2 Menyiapkan tugas atau kerja yang diberi dalam masa yang ditetapkan 1.3.3 Menggunakan masa lapang untuk melakukan aktiviti yang berfaedah
	1.4 Menjaga kehormatan diri	1.4.1 Mengenal pasti situasi yang boleh membahayakan kehormatan diri 1.4.2 Menyatakan cara menjaga keselamatan dan kehormatan diri 1.4.3 Menyatakan isu-isu dalam masyarakat seperti: a. isu keselamatan murid b. isu penderaan kanak-kanak

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	1.5 Memupuk kasih sayang	1.5.1 Menunjukkan sifat kasih sayang
	1.6 Memupuk kejujuran	1.6.5 Mengenal pasti tindakan yang jujur 1.6.6 Meminta izin sebelum meminjam barang daripada kawan 1.6.7 Memulangkan semula barang yang telah dipinjam
	1.7 Mengamalkan sikap berdikari	1.7.1 Mengurus diri sendiri tanpa bantuan 1.7.2 Melakukan tugas yang diberi tanpa bantuan
	1.8 Memupuk semangat keberanian	1.8.1 Berani bertanya dan memberi maklum balas 1.8.2 Berinteraksi dengan rakan dalam aktiviti kumpulan
	1.9 Memupuk sikap baik hati	1.9.1 Memberi bantuan kepada orang lain 1.9.2 Mengucapkan terima kasih terhadap bantuan atau pertolongan yang diberi 1.9.3 Menyumbangkan tenaga, wang dan barang-barang lain kepada yang memerlukan
	1.10 Berlaku adil	1.10.1 Mengamalkan sifat adil dalam aktiviti harian

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	1.11 Memupuk sikap berdisiplin	1.11.1 Mematuhi arahan guru atau ketua murid 1.11.2 Mematuhi peraturan yang ditentukan di kelas atau di sekolah 1.11.3 Mengawal diri daripada melanggar peraturan
	1.12 Memupuk sikap sabar	1.12.1 Bersedia menunggu giliran 1.12.2 Merendahkan suara apabila menegur kesilapan rakan 1.12.3 Bersedia menghadapi sesuatu keadaan atau peristiwa yang kurang selesa
2.	Nilai Berkaitan Diri Dengan Keluarga 2.1 Menunjukkan sikap kasih sayang terhadap keluarga	2.1.15 Bercerita tentang kebaikan ahli keluarga 2.1.16 Menyatakan sebab perlu menyayangi keluarga
	2.2 Hormat dan taat kepada anggota keluarga	2.2.1 Menyatakan contoh perlakuan yang menunjukkan taat kepada ahli keluarga 2.2.2 Menyatakan sebab mengapa perlu hormat kepada ahli keluarga 2.2.3 Menunjukkan cara menghormati ibu dan ahli keluarga
	2.3 Bertanggungjawab terhadap keluarga	2.3.10 Menyatakan tanggungjawab diri terhadap keluarga 2.3.11 Menyatakan akibat jika tidak bertanggungjawab

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
3.	<p>Nilai Berkaitan Dengan Diri Dengan Masyarakat</p> <p>3.1 Hormat dan menghormati</p>	<p>3.1.13 Menunjukkan cara menghormati orang dewasa</p> <p>3.1.14 Melafazkan ucapan bertatasusila bersesuaian dengan situasi dan masa</p> <p>3.1.15 Menunjukkan cara menghormati rakan dan masyarakat setempat</p>
	<p>3.2 Semangat bermasyarakat</p>	<p>3.2.1 Menyatakan faedah berkawan</p> <p>3.2.2 Bergaul mesra dan menolong semua rakan tanpa mengira latar belakang</p> <p>3.2.3 Mengamalkan sikap tolong menolong dengan rakan, jiran dan masyarakat setempat</p>
	<p>3.3 Bertolak ansur dalam masyarakat</p>	<p>3.3.1 Mengamalkan sikap tolak ansur dengan rakan dalam situasi tertentu</p> <p>3.3.2 Menyatakan faedah bertolak ansur setelah menjalankan aktiviti kumpulan</p>
4.	<p>Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Alam Sekitar</p> <p>4.1 Menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran</p>	<p>4.1.1 Menjaga kebersihan dan keceriaan dalam bilik darjah dan persekitaran</p> <p>4.1.2 Menyatakan kesan pencemaran terhadap alam sekitar</p> <p>4.1.3 Menerangkan cara menjaga dan menggunakan kemudahan awam dengan betul</p>

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	4.2 Menyayangi alam sekitar	4.2.1 Menceritakan tentang haiwan kesayangan dan haiwan peliharaan 4.2.2 Menyatakan cara menjaga dan memelihara haiwan 4.2.3 Menyatakan cara menjaga tumbuhan daripada kerosakan dan kemusnahan 4.2.4 Menyatakan kepentingan tumbuhan kepada manusia
5.	Nilai Berkaitan Diri Dengan Negara 5.1 Hormat dan setia kepada Raja dan pemimpin negara	5.1.1 Menghormati Guru Besar, ketua kelas, guru-guru dan pembantu prasekolah 5.1.2 Menamakan gelaran pemimpin seperti Raja, Perdana Menteri dan Menteri Besar/Ketua Menteri 5.1.3 Menunjukkan cara menghormati Raja dan pemimpin negara
	5.2 Patuh kepada peraturan dan undang-undang	5.2.4 Mengecam simbol yang melambangkan peraturan dan undang-undang 5.2.5 Menyatakan dan mematuhi peraturan dan undang-undang: a. tadika b. sekolah c. negara
	5.3 Cintakan negara	5.3.1 Menyanyikan lagu Kebangsaan dan lagu negeri dengan penuh semangat 5.3.2 Menunjukkan kedudukan Malaysia di peta dunia 5.3.3 Mengenal dan menghormati bendera

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
		5.3.4 Menyatakan negeri-negeri lain dalam Malaysia 5.3.5 Menyatakan keistimewaan yang terdapat di negara Malaysia seperti: a. Mercu tanda kejayaan negara b. Tempat bangunan bersejarah c. Pusat pelancongan d. Hasil-hasil negara e. Tokoh-tokoh negara
	5.4 Mengekalkan keamanan dan perpaduan	5.4.1 Menyebut nama pelbagai kaum di Malaysia 5.4.2 Melibatkan diri dalam aktiviti sambutan hari kebesaran kaum di Malaysia

### **KOMPONEN PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI**

Komponen Perkembangan Sosioemosi memberi fokus kepada penguasaan emosi dan kemahiran sosial yang matang. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid belajar mengawal emosi, pemikiran dan tindakan supaya dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan bermasyarakat.

Perkembangan emosi dan sosial yang sihat, sangat penting dalam kehidupan seseorang. Aspek ini akan mempengaruhi pembelajaran murid.

Perkembangan Sosioemosi bermula dengan kebolehan murid memahami dan menguruskan emosi sendiri, diikuti dengan pencapaian emosi yang positif. Keupayaan mengurus emosi diri sendiri membolehkan murid memahami keperluan, emosi dan pandangan orang lain untuk membina kemahiran sosial dalam kehidupan masyarakat majmuk yang mesra dan harmoni.

Komponen ini juga memberi penekanan kepada kebolehan dan keyakinan untuk menghadapi kehidupan seharian yang penuh dengan pelbagai cabaran. Oleh itu, komponen ini perlu disepadukan melalui aktiviti pembelajaran komponen lain.

#### **Objektif**

Komponen ini membolehkan murid :

- i. Membina kemahiran emosi untuk memahami diri dan orang lain;
- ii. Mengamalkan tingkah laku yang baik;
- iii. Mempunyai konsep sendiri yang positif; dan
- iv. Membina kemahiran sosial dalam kehidupan bermasyarakat.

**Kandungan dan Hasil Pembelajaran**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Mengurus dan Memahami Emosi Sendiri 1.1 Mengenali dan memahami emosi sendiri	1.1.29 Menceritakan pengalaman gembira, sedih, marah dan takut 1.1.30 Mengenali pasti jenis-jenis emosi berdasarkan: a. gambar mimik muka b. mimik muka murid 1.1.31 Menyatakan sesuatu yang disukai dan tidak disukai
	1.2 Mengurus emosi sendiri	1.2.1 Membezakan emosi positif dan negatif 1.2.2 Menyatakan cara menyesuaikan diri dengan keadaan atau situasi baru
		1.2.3 Menyatakan kelebihan dan kekurangan diri sendiri 1.2.4 Menyatakan perasaan sendiri pada orang lain mengenai sesuatu perkara atau peristiwa
2.	Mencapai Emosi Yang Positif 2.1 Membina semangat dan sikap positif	2.1.17 Menunjukkan semangat dan sikap positif : a. sabar b. berdikari c. tekun dan tabah d. berkeyakinan e. unsur kecintaan 2.1.18 Berdoa kepada Tuhan dan mematuhi ajaran agama 2.1.19 Mematuhi nasihat guru dan ibu bapa
	2.2 Berkomunikasi dengan yakin	2.2.1 Bertanya dengan penuh keyakinan 2.2.2 Memberi pendapat yang bernas

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	2.3 Membina perwatakan sendiri	2.3.1 Dapat melihat persamaan dan perbezaan antara diri sendiri dan orang lain 2.3.2 Menunjukkan potensi diri dengan yakin
	2.4 Membina kebolehan mengawal diri	2.4.1 Merancang dan menyempurnakan tugas sendiri tanpa bantuan 2.4.2 Menyatakan cara mengawal diri daripada perkara yang tidak boleh dilakukan
3.	Membina Kemahiran Sosial 3.1 Memahami keperluan, perasaan dan pandangan orang lain	3.1.1 Menyatakan batas hubungan antara diri dengan orang lain 3.1.2 Menyatakan keperluan orang lain 3.1.3 Menyatakan perasaan orang lain melalui bahasa badan 3.1.4 Menghormati pandangan orang lain
	3.2 Menggunakan kemahiran sosial dalam interaksi	3.2.1 Berkomunikasi dengan cara yang bersopan dan berhemah 3.2.2 Menepati masa dan janji 3.2.3 Menyatakan cara bertimbang rasa terhadap orang lain 3.2.4 Bertolak ansur dan bekerjasama semasa menjalankan aktiviti

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
		3.2.5 Menghormati hak orang lain dengan : <ul style="list-style-type: none"> <li>a. meminta izin menggunakan atau meminjam barang orang lain</li> <li>b. memulangkan barang selepas dipinjam</li> <li>c. menjaga keselamatan barang yang dipinjam</li> </ul>
4.	Membina Keyakinan Untuk Menghadapi Cabaran Dalam Kehidupan Sehari-hari 4.1 Membina kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah	4.1.1 Menyatakan pelbagai cara berfikir untuk menyelesaikan masalah 4.1.2 Menyatakan dan menggunakan pelbagai cara komunikasi untuk menyelesaikan masalah 4.1.3 Menunjukkan sikap rasa tanggungjawab terhadap sesuatu perkara yang dilakukan

#### KOMPONEN PERKEMBANGAN FIZIKAL

Komponen Perkembangan Fizikal memberi fokus kepada pertumbuhan dan perkembangan murid dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera untuk memupuk keyakinan diri dan membentuk personaliti yang positif.

Komponen Perkembangan Fizikal memberi penekanan kepada tiga aspek penting iaitu :

- i. Perkembangan psikomotor;
- ii. Kesihatan; dan
- iii. Keselamatan.

Perkembangan psikomotor melibatkan penguasaan motor kasar dan motor halus. Penguasaan ini amat penting dalam pergerakan asas untuk membolehkan murid melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dengan penuh yakin.

Dalam aspek kesihatan, murid dilatih untuk mengamalkan cara hidup yang sihat dari segi mental dan fizikal melalui kebersihan, pemakanan yang seimbang dan cara menjauhkan diri dari penyakit.

Aspek keselamatan pula membantu murid mengenal pasti objek dan situasi yang membahayakan diri dan mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil untuk bertindak.

Perkembangan Fizikal dapat dikuasai melalui aktiviti fizikal di dalam dan di luar bilik darjah dengan menggunakan pelbagai alat permainan yang disediakan.

Aspek kesihatan dan keselamatan pula dapat dicapai melalui tunjuk cara oleh pihak yang berkaitan dengan kesihatan, lakonan dan lawatan ke Pusat Kesihatan dan tempat-tempat lain yang berkaitan.

Objektif

Komponen Perkembangan Fizikal membolehkan murid :

- Menyatakan kepentingan kesihatan diri;
- Membina kemahiran pergerakan asas dan kekuatan fizikal untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal;
- Mengamalkan cara hidup yang sihat dan selamat; dan
- Membina minda yang sihat dan cerdas.

Kandungan dan Hasil Pembelajaran

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Psikomotor - Motor Halus 1.1 Menguasai kemahiran motor halus	1.1.32 Menggunakan jari untuk : a. meramas b. menggentel c. mengoyak d. mencubit e. menguli f. memicit g. merenyuk h. melipat i. menguntai j. menjentik k. merenjjs
	1.2 Menguasai kemahiran motor halus - koordinasi mata tangan	1.2.5 Membuat pergerakan tangan mengikut arah 1.2.6 Mengawal pergerakan mata-tangan dengan betul

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
2.	Psikomotor - Motor Kasar 2.1 menguasai kemahiran motor kasar	2.1.1 Berjalan ke hadapan, ke kiri, ke kanan dan mengundur 2.1.2 Mengimbangkan badan dengan berdiri sebelah kaki tanpa bantuan 2.1.3 Berjengket beberapa langkah 2.1.4 Melompat dengan kedua-dua belah kaki sejauh dua meter
		2.1.5 Meloncat berterusan 1 minit 2.1.6 Berlari ke arah yang ditentukan sejauh dua puluh lima meter tanpa berhenti 2.1.7 Naik dan turun tangga tanpa bantuan dengan gerak langkah selang seli 2.1.8 Mengimbang badan secara berjalan atau meniti 2.1.9 <i>Skip</i> berterusan 1 minit
	2.2 Menguasai kemahiran motor kasar - koordinasi	2.2.3 Menggerakkan kepala ke pelbagai arah 2.2.4 Menanduk bola
	2.3 Menguasai kemahiran motor kasar - koordinasi mata tangan	2.3.3 Membaling objek ke sasaran 2.3.4 Menyambut objek menggunakan dua belah tangan 2.3.5 Membaling, menangkap dan melambung objek besar dan kecil 2.3.6 Melantun dan menangkap 2.3.7 Melompat menggunakan tali skipping

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

---

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	2.4 Menguasai koordinasi anggota badan	2.4.3 Memanjat 2.4.4 Bergayut 2.4.5 Membuat pergerakan menggunakan seluruh anggota badan 2.4.6 Membuat pergerakan berguling 2.4.7 Membuat pergerakan haiwan
3.	<p>Kesihatan</p> <p>3.1 Mengenal bahagian tubuh badan</p>	<p>3.1.5 Menyebut anggota badan</p> <p>3.1.6 Melabel anggota badan</p> <p>3.1.7 Menyatakan fungsi anggota badan</p>
	3.2 Menjaga kesihatan diri	<p>3.2.6 Menyatakan cara menjaga kebersihan tubuh badan</p> <p>3.2.7 Mengamalkan tabiat baik untuk kesihatan</p> <p>a. waktu makan</p> <p>b. cara makan</p> <p>c. waktu tidur</p> <p>d. waktu bermain</p> <p>3.2.8 Menyatakan beberapa penyakit kesan daripada tidak menjaga kebersihan diri dan persekitaran</p> <p>3.2.9 Bersedia menerima rawatan daripada doktor</p>
	3.3 Mengamalkan pergerakan betul dan postur yang baik	3.3.1 Melakukan pergerakan dengan postur yang betul semasa : d. berdiri e. duduk f. berjalan

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	3.4 Mengamalkan makanan dan pemakanan yang baik dan seimbang	3.4.1 Menyatakan makanan yang baik dan berkhasiat 3.4.2 Mengenal pasti makanan yang rosak dan basi 3.4.3 Menyatakan menu makanan seimbang 3.4.4 Menguruskan persediaan tempat sebelum makan dan selepas makan
	3.5 Menjaga kebersihan pakaian dan peralatan	3.5.1 Menyatakan perlunya menggunakan pakaian yang bersih 3.5.2 Menyatakan cara membersihkan pakaian 3.5.3 Membezakan pakaian mengikut situasi 3.5.4 Mengawal kebersihan peralatan yang digunakan
4.	Keselamatan 4.1 Mengenal objek, tempat, perlakuan dan tindakan yang boleh menyebabkan kemalangan dan bahaya	4.1.4 Mengenal pasti objek atau situasi yang membahayakan: a. di rumah b. di sekolah c. di padang permainan d. di tempat awam 4.1.5 Menyatakan dan menghindari tempat bahaya 4.1.6 Mengenal perlakuan dan tindakan yang boleh mendatangkan bahaya

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	<p>4.2 Mengamalkan langkah keselamatan diri dan orang lain</p>	<p>4.2.1 Menyebut dan menulis nama, alamat dan nombor telefon:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. keluarga</li> <li>b. pewaris</li> <li>c. polis</li> <li>d. bomba</li> <li>e. ambulan</li> </ol> <p>4.2.2 Menerangkan tempat menyimpan alatan atau bahan yang bahaya</p>
		<p>4.2.3 Menerangkan langkah-langkah keselamatan semasa menghadapi bahaya</p> <p>4.2.4 Bersedia menerima rawatan daripada doktor</p> <p>4.2.5 Bertindak dengan memberitahu orang dewasa apabila berlaku kecemasan, kecederaan atau penderaan</p>

### **KOMPONEN KREATIVITI DAN ESTETIKA**

Komponen Kreativiti dan Estetika memberi fokus kepada memperkembangkan sifat kreatif dan ekspresif melalui imaginasi dan pemikiran. Penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti seni, seperti lukisan, kraf tangan, muzik, nyanyian, drama dan puisi membolehkan murid menyatakan idea dan ekspresi diri. Pengalaman ini penting kerana ia membantu murid membina keyakinan diri dan mengenali cita rasa sendiri.

Komponen ini mengandungi lima aspek yang terdiri daripada :

- i. Persekitaran dan keindahan alam;
- ii. Lukisan dan kraf tangan;
- iii. Muzik, nyanyian dan pergerakan kreatif;
- iv. Drama dan puisi; dan
- v. Warisan budaya

Murid dibawa meneroka untuk memerhati, mengenali dan menikmati keindahan alam sekeliling. Murid juga diberi peluang untuk melahirkan perasaan dan memperkembangkan daya kreativiti mereka melalui lukisan, kraf tangan, muzik, nyanyian, pergerakan kreatif, puisi dan drama. Penglibatan aktif dalam aktiviti tersebut berupaya menggalakkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid, di samping memupuk nilai estetika.

Melalui komponen ini murid diberi pendedahan kepada lagu dan muzik, permainan, kraf tangan dan peralatan tradisional agar mereka mengenali dan menghargai warisan budaya bangsa pelbaai kaum.

### Objektif

Komponen Kreativiti dan Estetika membolehkan murid :

- Menikmati keindahan alam melalui persembahan kreatif;
- Menggunakan bahan semula jadi dan kitar semula secara kreatif;
- Melahirkan perasaan secara kreatif; dan
- Menghargai warisan budaya.

Kandungan dan Hasil Pembelajaran

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1.	Persekitaran dan Keindahan Alam 1.1 Mengenal keindahan alam	1.1.33 Mengenal dan mengecam keadaan alam dengan menggunakan deria 1.1.34 Menunjukkan rasa ingin tahu mengenai perubahan yang sentiasa berlaku di persekitaran 1.1.35 Menyatakan perasaan diri terhadap unsur-unsur keindahan alam secara lisan dan perlakuan
		1.1.36 Bercerita tentang berbagai kegunaan alam sekitar 1.1.37 Menyatakan mengapa harus bersyukur kepada Tuhan 1.1.38 Mewujudkan keceriaan dan keindahan alam sekitar

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
2.	Lukisan dan Kraf Tangan 2.1 Menghasilkan lukisan dan kraf tangan	<p>2.1.10 Membuat tanda dan kesan pada permukaan dengan pelbagai</p> <p>2.1.11 Membuat garisan dan rupa bentuk</p> <p>2.1.12 Melukis dan mewarna dalam ruang tertentu</p> <p>2.1.13 Mengenal dan membezakan warna</p> <p>2.1.14 Menyatakan idea dan perasaan dalam kegiatan melukis dan menceritakannya</p> <p>2.1.15 Menggunakan pelbagai bahan secara kreatif dalam rekaan pelbagai kraf untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. pembentukan</li> <li>b. binaan</li> <li>c. ukiran</li> <li>d. gunting dan lipatan</li> <li>e. tampalan/kolaj</li> </ul> <p>2.1.7 Mereka kraf mudah untuk kegunaan tertentu dan menceritakannya</p>
		<p>2.1.8 Menyatakan perasaan dan kegunaan alatan yang telah direka dan dicuba</p> <p>2.1.9 Mengenal kesan jalinan pada capan</p> <p>2.1.10 Mereka corak bebas dengan menggabungjalinkan pelbagai cara mencorak</p> <p>2.1.11 Menghasilkan rekaan dengan tujuan tertentu seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. kad ucapan</li> <li>b. penanda buku</li> <li>c. kertas pembalut</li> <li>d. hiasan</li> </ul> <p>2.1.12 Mereka mobail dan menceritakan hasil kerja</p>

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
3.	Muzik, Nyanyian dan Pergerakan Kreatif 3.1 Menikmati muzik	<p>3.1.8 Mengenal pasti nada bunyi:</p> <p>a. kuat - perlahan</p> <p>b. cepat - lambat</p> <p>c. tinggi - rendah</p> <p>3.1.9 Mengecam bunyi daripada pelbagai perbuatan</p> <p>3.1.10 Meniru rentak atau irama lagu dengan menggunakan anggota badan</p> <p>3.1.11 Menyatakan perasaan terhadap muzik yang didengar</p>
		<p>3.1.12 Mengecam bunyi alatan muzik dan menamakan jenis alat yang dibunyikan</p> <p>3.1.13 Memainkan alat muzik mengikut rentak</p> <p>3.1.14 Memainkan alat muzik ciptaan sendiri dari bahan-bahan yang terdapat di persekitaran</p>
	3.2 Nyanyian	<p>3.2.1 Menyanyi atau membunyikan lirik "hmm, hmm, hmm, "laa, laa, laa," secara spontan mengikut irama lagu</p> <p>3.2.2 mengenali lagu-lagu berasaskan melodinya</p> <p>3.2.3 Menyanyi mengikut mod lagu</p> <p>a. riang</p> <p>b. gembira</p> <p>c. sedih</p> <p>d. bersemangat</p> <p>3.2.4 Menyanyi lagu dengan sebutan dan perasaan sesuai untuk sesuatu upacara</p> <p>3.2.5 Menyanyi mengikut muzik</p>
	3.3 Pergerakan kreatif	3.4.5 Melahirkan perasaan melalui gerakan

**KURIKULUM PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN**

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
4.	Drama dan Puisi 4.1 Mengambil bahagian dalam drama dan puisi	4.1.7 Mengambil bahagian dalam main peranan mengikut imaginasi murid 4.1.8 Melahirkan perasaan melalui lakonan drama dan bacaan puisi 4.1.9 Menunjukkan semangat kerjasama dalam persediaan dan persembahan 4.1.10 Membuat gerak badan berdasarkan muzik yang ada kaitan dengan cerita yang didengar
5.	Warisan Budaya 5.1 Menyambut perayaan masyarakat Malaysia	5.1.1 Melibatkan diri dalam menyambut perayaan masyarakat Malaysia bagi mengenali pelbagai budaya
	5.2 Mengenali pakaian tradisional masyarakat Malaysia	5.2.1 Bercerita tentang pakaian masyarakat Malaysia 5.2.2 Bercerita tentang pakaian tradisional masyarakat Malaysia
	5.3 Menghayati lagu dan muzik tradisional	5.3.1 Menyanyikan lagu tradisional masyarakat Malaysia 5.3.2 Mengenal pasti alat muzik tradisional
		5.3.3 Melibatkan diri dalam pergerakan kreatif berunsur budaya masyarakat Malaysia
	5.4 Mengenali permainan tradisional	5.4.1 Mengenali dan bermain permainan tradisional masyarakat Malaysia 5.4.2 Bermain permainan tradisional masyarakat Malaysia

BIL	KANDUNGAN	HASIL PEMBELAJARAN
	5.5 Mengenali kraf dan peralatan tradisional	5.5.1 Bercerita tentang berbagai jenis kraf dan peralatan berunsur budaya masyarakat Malaysia 5.5.2 Mengenal pasti pelbagai jenis kraf dan peralatan berunsur budaya masyarakat Malaysia
6.	Komputer dan Teknologi 6.1 Menggunakan teknologi sebagai alat komunikasi	6.1.1 Mengenal pasti alat teknologi dan komunikasi semasa 6.1.2 Menggunakan alat teknologi semasa untuk berkomunikasi
	6.2 Mengguna komputer sebagai alat pembelajaran	6.2.1 Mengenal bahagian komputer 6.2.2 Mengguna komputer dan teknologi bagi memperolehi maklumat 6.2.3 Berinteraksi dengan bahan untuk belajar sendiri dan bersama rakan sebaya 6.2.4 Menggunakan komputer dan teknologi bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran

## **6 PENDEKATAN SERTA PENGELOLAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Dalam pendidikan prasekolah, guru harus menggunakan pelbagai pendekatan aktiviti yang sesuai dengan perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat serta minat murid. Guru perlu menjalankan aktiviti yang melibatkan murid secara aktif supaya pembelajaran menjadi lebih bermakna, berkesan dan menggembirakan.

Aktiviti tersebut perlu dirancang dan dikelolakan secara teliti dan sistematik bagi menjamin setiap murid mendapat peluang yang sama. Oleh itu, mereka memperolehi pelbagai pengalaman pembelajaran sebenar sama ada secara individu, secara kelas atau pun secara kumpulan.

### **Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran**

Berasaskan konsep dan prinsip pendidikan prasekolah, empat pendekatan pengajaran dan pembelajaran diutamakan iaitu :

- i. Pendekatan bermain sambil belajar;
- ii. Pendekatan bertema;
- iii. Pendekatan bersepadu; dan
- iv. Teknologi maklumat dan komunikasi.

**i**

**Pendekatan Bermain Sambil Belajar**

Pendidikan prasekolah memberi penekanan kepada “bermain sambil belajar” dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan bermain sambil belajar dapat meningkatkan keupayaan kognitif, keinginan untuk meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu, kemahiran motor kasar dan halus, kemahiran inovatif, kritis dan kreatif serta membantu mengatasi perasaan bimbang dan tertekan. Pendekatan menekankan ciri-ciri berikut :

- Aktiviti yang menggembirakan;
- Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran;
- Permainan bebas dan terancang;
- Kelonggaran masa;
- Percubaan idea sendiri; dan
- Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

**ii**

**Pendekatan Bertema**

Pendekatan tematik adalah pengurusan kurikulum dan pembelajaran melalui satu topik yang dipilih bersesuaian dengan kehidupan murid, masa, tempat dan minat murid. Pemilihan tema dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah :

- Berasaskan cadangan murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa;
- Merentas atau berkaitan dengan komponen;
- Meluaskan pengetahuan dan kemahiran murid serta pengukuhan kesepaduan; dan
- Mempunyai pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang lebih mencabar.

**iii**

**Pendekatan Bersepadu**

Pendekatan bersepadu dalam mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran membantu murid memahami hakikat kehidupan sebenar. Dalam kehidupan sebenar sesuatu itu saling berkaitan antara satu sama lain dan bukannya sesuatu yang terpisah-pisah. Pendekatan bersepadu melibatkan :

- Kesepaduan antara komponen;
- Kesepaduan kemahiran, kemahiran dan nilai murni;
- Kesepaduan aktiviti dalam kelas dan luar kelas;
- Kesepaduan aktiviti berfokuskan guru dan berfokuskan murid; dan
- Kesepaduan pelbagai kaedah dan teknik.

**iv**

**Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Pendekatan ini digunakan untuk :

- Membantu proses pengajaran dan pembelajaran;
- Memperolehi maklumat;
- Berinteraksi dengan bahan untuk belajar sendiri dan bersama rakan sebaya; dan
- Memperkayakan pengalaman pembelajaran.

**Pengelolaan Pengajaran dan Pembelajaran**

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran prasekolah dikelola secara kelas, kumpulan dan individu yang dijalankan secara terancang.

1. Aktiviti kelas

Aktiviti kelas melibatkan seluruh kelas menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sama serentak. Aktiviti ini digunakan apabila guru menyampaikan maklumat, memberi arahan, penerangan, bercerita, bersoal jawab dan membuat refleksi pada akhir pembelajaran. Selain itu aktiviti lain juga boleh dijalankan secara kelas seperti menyanyi beramai-ramai, berlakon, mendengar cerita dan menonton pertunjukkan boneka.

2. Aktiviti kumpulan

Aktiviti kumpulan ialah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang membahagikan murid kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan boleh menjalankan aktiviti yang sama atau berbeza-beza di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Walau bagaimanapun setiap ahli dalam kumpulan perlu bekerja secara kolaboratif untuk memperolehi hasil yang sama.

3. Aktiviti individu

Aktiviti individu ialah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di mana murid berpeluang untuk menjalankan aktiviti pembelajaran secara bersendirian. Murid lebih banyak berinteraksi dengan bahan di pusat-pusat pembelajaran. Selain itu aktiviti individu memberi peluang kepada murid mendapatkan perhatian secara personal daripada guru.

## **7 TEMPOH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Tempoh pengajaran dan pembelajaran secara rasmi di kelas prasekolah adalah pada kadar tidak kurang daripada tiga jam sehari selama lima hari seminggu. Perhatian utama hendaklah diberi kepada pelaksanaan Kurikulum Prasekolah seperti yang berikut :

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN MASA
1.	Bahasa Melayu bagi kelas prasekolah yang bahasa pengantar bukan Bahasa Melayu	Sekurang-kurangnya dua (2) jam seminggu
2.	English Language bagi kelas prasekolah yang bahasa pengantar bukan Bahasa Inggeris	Sekurang-kurangnya satu (1) jam seminggu
3.	Pendidikan Islam untuk murid Islam sahaja dan Pendidikan Moral untuk murid bukan beragama Islam	Sekurang-kurangnya dua (2) jam seminggu

## 8 BAHAN KURIKULUM

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar kelas, setiap tadika hendaklah menggunakan pelbagai jenis bahan kurikulum yang terdiri daripada bahan guru dan bahan murid. Jenis dan ciri bahan tersebut adalah seperti disenaraikan.

### **Bahan Guru**

- i. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan;
- ii. Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan; dan
- iii. Bahan rujukan pelbagai media yang sesuai.

### **Bahan Murid**

- i. Alat rangsangan perkembangan bahasa dan komunikasi seperti boneka, cerita dan buku bergambar;
- ii. Alat untuk perkembangan kognitif sebagai alat rangsangan sains dan matematik seperti pengukur, peralatan sains dan taman sains;
- iii. Alat muzik seperti genderang, alat bertali dan alat tiupan;
- iv. Alat dan bahan seni seperti warna air, krayon, berus dan bahan kitar semula;
- v. Alat manipulatif seperti bongkah, manik pelbagai saiz dan set pertukangan tangan;
- vi. Alat permainan akses sendiri seperti kad cantuman, permainan memancing, buku dan komputer;
- vii. Alat permainan fizikal seperti bola pelbagai saiz, pundi kacang, gelung dan skitel;
- viii. Alat permainan luar seperti buaian, jongkang-jongkit dan gelongsor; dan

- ix. Prop untuk main peranan seperti pondok, pakaian dan peralatan main kedai-kedai.

**Ciri-Ciri Peralatan**

- i. Mudah diguna
- ii. Interaktif
- iii. Merangsang murid berfikir
- iv. Merangsang pembentukan sikap positif
- v. Kesesuaian dari segi saiz, warna dan tekstur
- vi. Mudah ubah suai dan diguna semula
- vii. Selamat digunakan.

## 9 PENGURUSAN RUANG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam melaksanakan Kurikulum Prasekolah, murid memerlukan ruang yang mencukupi untuk bergerak bebas dan berinteraksi dengan bahan yang disediakan. Ruang pembelajaran di tadika melibatkan ruang luar dan dalam kelas dan ruang penyediaan makanan.

### Ruang Dalam Kelas

Ruang ini boleh digunakan untuk :

- i. Aktiviti kumpulan dan individu;
- ii. Aktiviti pembelajaran berasaskan komponen-komponen;
- iii. Menempatkan alatan mainan, bahan rujukan dan bahan bacaan; dan
- iv. Menyimpan barang.

Aktiviti yang boleh dijalankan adalah seperti :

- i. Bercerita
- ii. Perbualan pagi (Circle time)
- iii. Menyanyi
- iv. Bergerak mengikut muzik
- v. Berlakon
- vi. Aktiviti seni

### Ruang Luar Kelas

Ruang ini boleh digunakan untuk :

- i. Aktiviti untuk bergeak bebas;
- ii. Aktiviti bekerja secara individu dan kumpulan; dan
- iii. Menempatkan alat permainan luar seperti buaian, papan gelongsor dan terowong.

Aktiviti yang boleh dijalankan, contoh :

- i. Permainan pasir;
- ii. Permainan air;
- iii. Aktiviti manipulatif seperti pertukangan;
- iv. Memerhati dan membuat percubaan; dan
- v. Lawatan persekitaran.

### **Ruang Penyediaan Makanan**

Ruang ini boleh digunakan untuk:

- i. Menyediakan makanan;
- ii. Memberi murid pengalaman seperti menghidang makanan dan mengemas tempat makan; dan
- iii. Melatih menjaga kebersihan dan keselamatan.

Aktiviti yang boleh dijalankan, seperti:

- i. Mendedahkan pengalaman memasak dan menghidang makanan serta minuman;
- ii. Mengamalkan adab sebelum, semasa dan selepas makan; dan
- iii. Mengamalkan nilai murni seperti bersih, jimat dan sopan santun.

## 10 PENILAIAN DAN REKOD PERKEMBANGAN MURID

Penilaian adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru kelas hendaklah membuat penilaian berterusan tentang perkembangan dan kemajuan murid dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Cara mengesan perkembangan dan kemajuan terhadap tiga aspek tersebut adalah melalui **pemerhatian**. Pemerhatian yang dijalankan adalah terhadap :

- i. Tingkah laku;
- ii. Perbualan, interaksi; dan
- iii. Hasil kerja murid.

Segala maklumat yang diperolehi disimpan dalam portfolio yang mengandungi :

- i. Rekod peribadi murid;
- ii. Rekod perkembangan dan kemajuan murid; dan
- iii. Contoh hasil kerja murid.

Segala rekod tentang perkembangan dan kemajuan murid adalah sulit dan hendaklah diserahkan kepada ibu bapa atau penjaga murid.

## **11 MURID DENGAN KEPERLUAN KHAS**

Murid dengan keperluan khas akan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan ini. Guru hendaklah membuat pengubahsuaian berdasarkan keperluan, kemampuan dan minat murid tersebut.

## **12 PENGLIBATAN IBU BAPA, PENJAGA DAN KOMUNITI**

Penglibatan ibu bapa, penjaga dan komuniti adalah digalakkan kerana ia adalah elemen penting dalam pelaksanaan kurikulum prasekolah. Permuafakatan antara guru dan ibu bapa, penjaga dan komuniti dapat membantu dalam perkembangan dan kemajuan murid secara berterusan ke arah melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab.